

Sambung kontrak penjawat awam kena ikut prosedur, bukan automatik

BERITA HARIAN 01 JUL 2025

m/s: 4

Anwar tegaskan sebarang lantikan, penyambungan lalui proses tertib termaktub dalam Perlembagaan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penyambungan kontrak mana-mana penjawat awam termasuk hakim, tidak berlaku secara automatik dan ia harus mengikut prosedur ditetapkan.

Perdana Menteri berkata proses berkenaan tidak wajar dipengaruhi oleh kempen atau tekanan mana-mana pihak.

“Penjawat awam atau hakim, mana-mana pegawai yang tempoh persaraannya, ia ada prosedur. Apabila kita bersara tidak sambung automatik dan dalam keadaan ini saya ditegur, maksudnya (seperti) ada satu kempen (kata) mesti sambung (pelantikan) ini, jangan sambung (pelantikan) ini.

“Maksudnya, institusi yang sepatutnya ada integriti dan bebas itu sudah dipolitikkan dan apa yang berlaku, ialah prosesnya,

malah ada yang mengatakan ini kuasa mutlak Perdana Menteri, tidak dan kalau saudara faham Perlembagaan, sudah (tentu) tahu prosesnya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini semalam.

Menjelaskan proses sebenar, Anwar berkata, setiap pelantikan atau penyambungan perlu melalui prosedur serta proses dan mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong serta perbincangan di peringkat Majlis Raja-Raja.

“Jadi, jangan kita main tuduh Perdana Menteri sewenang-wangnya. Ini proses yang tertib dan termaktub dalam Perlembagaan. Malah, saya elakkan daripada berjumpa mana-mana hakim kanan, kecuali Ketua Hakim Negara, itu pun untuk perbincangan rasmi. Hubungan saya dengan institusi kehakiman selama ini baik dan profesional,” katanya.

Hak badan kehakiman

Dalam pada itu, Anwar menegaskan, sebarang keputusan badan kehakiman adalah hak mutlak institusi berkenaan dan beliau tidak pernah mempengaruhi sebarang keputusan.

Katanya beliau tidak pernah mencampuri urusan pelantikan badan kehakiman atau keputusan yang dibuat oleh mahkamah, sebaliknya kekal menghormati



Anwar bersama timbalannya, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof pada Majlis Perhimpunan Bulanan JPM di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

prinsip kebebasan institusi perundangan negara.

Mengulas mengenai kes berprofil tinggi, Perdana Menteri turut menegaskan kerajaan tidak pernah mencampuri keputusan yang diputuskan mahkamah.

Beliau berkata, Perdana Menteri tetap akan dipersalahkan walau apa juga keputusan mahkamah sedangkan ia bukan urusan

beliau dan terpulang kepada mahkamah sepenuhnya.

“Contoh kalau Datuk Seri Najib (Razak), minta maaf saya sebut, itu dapat DNAA (dilepas tanpa dibebaskan) (dan ada dakwaan) itu Perdana Menteri campur tangan dan (berbuat) khianat.

“Kemudian (keputusan kes, Ahli Parlimen Muar) Syed Saddiq (Syed Abdul Rahman) yang

dilepas dan dibebaskan, pun dari satu pihak (dakwa Perdana Menteri) salah juga. Kalau tak dapat DNAA, pun (kata Perdana Menteri) salah juga. Saya kata bukan urusan saya.

“Soal saya setuju atau tidak? Pendapat peribadi saya itu bukan isu. Kita kena hormat hakim, keputusan yang dibuat kalau itu yang berlaku,” katanya.